

**Kenyataan Media: “Orang Gelandangan Minta Dibebaskan dari Pusat Perlindungan Sungai Buloh”  
18 Julai 2014**

KAMI, gabungan yang ditubuhkan atas isu-isu berkenaan warga miskin kota ingin mengulas beberapa perkara di dalam artikel “Orang Gelandangan Minta Dibebaskan dari Pusat Perlindungan Sungai Buloh” (The Malay Mail, 17/07/2014).

Artikel tersebut menekankan rayuan beberapa orang warga miskin kota yang minta dibebaskan dari bawah jagaan Pusat Sehati Bina Diri Sungai Buloh. Lelaki dan wanita ini telah ditahan di bawah Akta Orang-orang Papa 1977. Antara yang ditahan di dalam pusat itu termasuklah warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan orang yang bekerja – dan mereka telah dipaksa berpindah dari berteduh, mengemis sedekah atau kelihatan “daif”.

Menurut artikel itu, mereka dinafikan dari menghubungi keluarga dan pulang untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Kami perihatin atas kesihatan mental dan emosi mereka.

Sebelum ditahan, ada antaranya yang mempunyai pekerjaan, telefon dan sokongan rakan sekeliling. Dengan penahanan ini, mereka telah dinafikan kebebasan peribadi, kemandirian, dan sokongan sosial yang diperlukan dari rakan-rakan dalam komuniti ini.

Mereka yang tidak memiliki tempat tinggal tetap ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai halangan untuk keluar daripada kemiskinan dan kehidupan tanpa rumah. Misalnya, banyak majikan mengelak daripada mengambil orang yang telah kehilangan kad pengenalan. Bayaran denda yang boleh mencecah RM330 menyukarkan pemilikan kad pengenalan baru.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menolak untuk membenarkan warga miskin kota ini dari berdaftar untuk bantuan yang layak mereka peroleh, menggunakan alasan ketiadaan kad pengenalan dan alamat tetap. Ramai antara mereka sangat memerlukan pertolongan, tetapi tidak mendapat bantuan. Kebanyakannya juga tidak mendapat bantuan BR1M.

Kami mendesak kerajaan supaya menjalankan penyiasatan terperinci dalam mencari punca pokok isu warga miskin kota. Ini mestilah dilaksanakan dengan perbincangan bersama komuniti mereka, di dalam suasana yang menghormati kedudukan mereka sebagai wakil utama di dalam mana-mana dasar kerajaan, dengan menggunakan pengalaman, pengetahuan, dan memberi ruang untuk bersuara kepada mereka ke hadapan.

Kami ingin menekankan bahawa jalan penyelesaian isu-isu kemiskinan kota oleh badan-badan kerajaan perlulah dijalankan secara menyeluruh, melalui pembaikan dasar dan program yang berkaitan. Menangani isu warga miskin kota adalah di bawah tanggungjawab beberapa kementerian kerana ia berkait rapat dengan isu perumahan, pekerjaan, pendidikan, dan pembangunan desa dan daerah – dan bukannya tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja.

Kami menuntut agar operasi yang dirancang atau yang sedang berlangsung oleh pihak JKJ, AADK, dan pegawai polis yang menangkap mereka yang disyaki tanpa rumah untuk diberhentikan segera. Menghukum mereka bukanlah jalan penyelesaian. Orang yang hidup tanpa rumah akan terus tinggal di jalanan – tempat mereka bekerja dan mendapat sokongan rakan. Kerajaan perlu menangani isu-isu

orang tanpa rumah dan kemiskinan dengan lebih berperikemanusiaan dan bersifat membina, melalui cara perbincangan antara komuniti.

Kami akur bahawa membuat jalinan antara mana-mana komuniti memerlukan masa. Namun begitu, sebagai wakil utama, komuniti orang miskin kota sendiri adalah sumber terbaik untuk masyarakat umum faham, dan bersama-sama boleh mengurangi dan menghindari masalah ini.

**Disokong oleh:**

- Brickfields Stakeholders Association
- CFC
- Dapur Jalanan
- Dignity International
- Food Not Bombs Kuala Lumpur
- KL Urban Fellowship
- Institut Rakyat
- Lawyers for Liberty
- Malaysian Indian Education Transformation Association (MIETA)
- The Nasi Lemak Project
- Need to Feed the Need (NFN)
- Pax Romana ICMICA
- Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER)
- Reach Out Malaysia
- Region of Love
- SALT Movement
- Society of the Blind in Malaysia
- Suara Rakyat Malaysia (SUARAM)
- UBUNTU Malaysia